

# **Kecekapan Ekonomi Ruang Bandar *Versus* Ketaksamaan Pembangunan di Malaysia: Suatu Pola Pemandaran dalam Era Perubahan Global**

Katiman Rostam  
PPSPP, UKM  
katman@pkriscc.ck.ukm.my

## **Pengenalan**

Sejak penstrukturan semula organisasi dan proses pengeluaran di negara maju pada akhir 1970-an, aktiviti perindustrian di dunia cenderung untuk bertumpu ke negara Asia Pasifik. Pada awalnya, taburan aktiviti perindustrian di negara tersebut cenderung untuk bertumpu ke bandar utama yang lebih maju. Namun keadaan ketidakseimbangan ini telah dapat dikurangkan melalui pelaksanaan dasar penyahpusatan aktiviti pembuatan ke kawasan yang kurang maju. Pelbagai strategi digunakan untuk memajukan wilayah yang mundur termasuk strategi perindustrian dan pemandaran desa di wilayah kurang maju. Pelaburan asing dan tempatan dalam sektor pembuatan, pertanian dan perkhidmatan diberi galakan secukupnya melalui pelbagai insentif untuk menempatkan aktiviti mereka di kawasan yang kurang maju. Bagaimana pun, keadaan ini tidak dapat bertahan lama. Globalisasi ekonomi memberikan tekanan yang cukup berat terhadap dasar dan strategi yang memberi perhatian kepada kawasan yang masih mundur. Ini kerana dasar pembangunan yang semata-mata memberi perhatian kepada keseimbangan antara wilayah, khususnya melalui pembaguan sumber alam dan perindustrian di kawasan yang masih mundur, kurang memberi impak kepada usaha memesatkan kadar pertumbuhan ekonomi negara. Malah aktiviti perindustrian yang terlampau bergantung kepada penawaran buruh murah sebagai kaedah merendahkan kos pengeluaran dengan tumpuan kepada keluaran barangan penggantian import dan barangan pengguna tempatan, tidak cukup berdaya saing. Pasaran dalam negara yang tidak luas serta wujudnya pelbagai kesukaran untuk mengubah haluan kepada pengeluaran barangan untuk eksport, hanya menghasilkan pertumbuhan ekonomi jangka pendek dengan kadar yang amat perlahan (Schmitz 1984). Pendekatan pembangunan ini telah dianggap kurang relevan.

Sejak kebelakangan ini pendekatan pembangunan yang berpusat di bandar raya metropolitan semakin diberi perhatian. Bandar raya metropolitan mempunyai banyak kelebihan yang mampu menarik pelbagai aktiviti ekonomi. Ekonomi aglomerasi boleh menggalakkan dan mendorong proses pengklusteran aktiviti pembuatan dan perkhidmatan.

Dalam hal ini, pengalaman negara perindustrian baru seperti Korea Selatan, Hong Kong, Singapura dan Taiwan juga telah banyak mempengaruhi dasar dan strategi perindustrian di negara Asia Pasifik yang lain termasuk Malaysia. Perspektif baru tentang perindustrian ini telah menukar hala cara dan pendekatan pembangunan banyak negara membangun termasuk Malaysia. Hala cara pembangunan yang baru ini dikenali sebagai pendekatan pertumbuhan ekonomi yang dipercepatkan dengan tumpuan ke kawasan bandar raya metropolitan (World Bank 1981). Hala cara baru ini memberi implikasi yang besar terhadap pola ruang pembandaran di rantau tersebut.

Penumpuan aktiviti pembuatan dan perkhidmatan moden dalam persekitaran sosial dan ekonomi di bandar raya metropolitan adalah suatu elemen yang baru dalam sejarah pembandaran dunia, khususnya di Asia Pasifik. Pandangan Mera (1973) lebih tiga puluh tahun dahulu bahawa bandar raya metropolitan termasuk bandar primat, mampu menjana pertumbuhan ekonomi dengan cekap kesan daripada penawaran pelbagai ekonomi aglomerasi, kini semakin mendapat perhatian yang serius. Lebih-lebih lagi kerana idea tentang pembangunan yang seimbang antara wilayah di negara membangun tidak banyak menyelesaikan masalah negara. Malah model taburan saiz-pangkat bandar juga tidak menjanjikan sebarang penyelesaian kepada isu taburan bandar yang optimum bagi pembangunan negara (Carrol 1982). Kewujudan bandar raya primat tidak lagi dianggap negatif. Sebaliknya, persekitaran sosial dan ekonomi bandar raya metropolitan, termasuk bandar raya primat, yang dinamik, inovatif dan berdaya saing banyak menyokong perkembangan ekonomi pembuatan dan perkhidmatan moden hari ini. Idea ini semakin diterima umum (Sassen 2000; Marshall 2003). Persekitaran sosial dan ekonomi yang dimaksudkan termasuklah antara lain, kelebihan daya saing daripada segi penyediaan infrastruktur dan infostruktur, milieu keinstitutional, struktur ekonomi, governans dan sumber manusia di bandar raya berkenaan (Webster & Muller 2000). Kelebihan tersebut menggalakkan perkembangan perkhidmatan pengeluar seperti perbankan, penyelidikan dan pembangunan, pemrograman dan pengkomputeran, penghantaran, insurans dan pembrokeran yang sangat diperlukan oleh sektor ekonomi moden hari ini. Hanya bandar raya metroplitan yang mampu menawarkan kemudahan perkhidmatan tersebut dengan kualiti yang bertaraf dunia. Hal inilah yang mendorong berlakunya perubahan penumpuan aktiviti ekonomi dan seterusnya penduduk bandar di dunia di bandar raya metropolitan yang sebahagiannya boleh digelar bandar raya mega seperti yang berlaku di Rantau Asia Pasifik. Bagaimanapun, penumpuan aktiviti ekonomi di sekitar bandar raya metropolitan yang merupakan pusat pertumbuhan utama di kebanyakan negara membangun, telah menggalakkan dan meningkatkan darjah polarisasi serta ketakseimbangan pembangunan.

Proses globalisasi ekonomi melalui deregulasi dan liberalisasi pasaran semakin memberi tumpuan terhadap pusat pertumbuhan utama. Dasar dan strategi pembangunan negara terpaksa disesuaikan dengan mengambil kira perubahan ini. Ini kerana perubahan tersebut mempunyai impak yang besar terhadap pola ruang dan agihan pembangunan di negara berkenaan termasuk Malaysia.

Sehubungan dengan pengenalan di atas, kertas ini bertujuan untuk membincangkan trend penumpuan aktiviti ekonomi moden dan penduduk bandar di bandar raya metropolitan sebagai respons kepada proses globalisasi ekonomi dengan perhatian khusus diberikan kepada Lembah Klang-Langat, Malaysia. Isu yang cuba dikupas di sini ialah bandar raya metropolitan kian dianggap penting sebagai enjin pertumbuhan ekonomi yang cekap. Kepentingan bandar raya metropolitan sebagai pusat pengeluaran yang berdaya saing tinggi telah menggalakkan polarisasi pembandaran dan seterusnya meningkatkan aras ketidakseimbangan pembandaran dan pembangunan di negara ini. Pola pembandaran dan pembangunan ini semakin ketara dan kian diterima sebagai strategi yang wajar bagi negara membangun seperti Malaysian walaupun impak negatifnya juga sebenarnya cukup besar.

### **Perkembangan Sektor Ekonomi Berteraskan Metropolitan**

Ekonomi yang berteraskan metropolitan merupakan bidang yang agak baru di Malaysia. Selepas berakhirnya tempoh pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) kerajaan telah melancarkan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dengan wawasan untuk mencapai matlamat menjadi negara maju menjelang 2020. Selaras dengan perubahan yang berlaku di peringkat global, sektor korporat telah diberikan tanggung jawab yang lebih besar untuk membangunkan negara. Pada masa yang sama kerajaan telah menstruktur semula ekonomi negara dengan memberi perhatian yang lebih serius kepada sektor pembuatan dan perkhidmatan. Perkhidmatan pengeluar khususnya yang berasaskan inovasi dalam bidang teknologi termaju yang dihasilkan melalui penyelidikan dan pembangunan menjadi fokus utama aktiviti ekonomi kebanyakan negara dalam era pascaindustri (Ishak 2006). Aktiviti ini bertumpu di bandar raya metropolitan moden yang menempatkan sebahagian besar pusat penyelidikan dan universiti utama di negara berkenaan. Globalisasi ekonomi memesatkan perubahan ini.

Pada tahap awal perubahan iaitu pada akhir tahun 1970-an, ekonomi Malaysia mula beralih kepada sektor pembuatan. Proses perindustrian negara menjadi lebih ketara menjelang berakhirnya tempoh pelaksanaan DEB. Perubahan struktur ekonomi negara ini

telah menggalakkan pembukaan banyak kawasan perindustrian baru secara besar-besaran di kawasan bandar besar, sederhana, kecil dan kawasan desa. Negeri Johor, Perak, Negeri Sembilan, Pahang, Terengganu, Melaka dan Kedah telah mengalami pertambahan keluasan kawasan perindustrian. Peningkatan pelaburan dalam sektor perindustrian dan perkhidmatan menunjukkan bahawa Malaysia berada pada landasan dan sedang menuju kepada sebuah negara maju. Hal ini dapat dikesan melalui perubahan sumbangan setiap sektor ekonomi kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara (Jadua 1 ).

Jadual 1. Malaysia: Keluaran Dalam Negara Kasar mengikut industri asal, 1975, 1990 dan 2005

Sektor	Keluaran Dalam Negara Kasar (RM Juta)			Kadar pertumbuhan tahunan (%)	
	1975 <sup>1</sup>	1990 <sup>2</sup>	2005 <sup>3</sup>	1975-1990	1990-2005
Pertanian	4,804	14,829	21,585	11.27	3.76
Perlombongan & kuari	792	7,688	17,504	15.15	5.42
Pembuatan	2,850	21,381	82,394	13.4	6.44
Pembinaan	654	2,788	7,133	9.67	6.26
Perkhidmatan	7,811	33,465	152,205	10.0	10.0
Ditolak cukai perkhidmatan bank	211	4,026	32,707	9.98	13.97
Dicampur duti import	665	2,972	5,083	9.98	3.59
Keluaran Negara Kasar pada harga pembeli	17,365	79,103	262,029	10.11	7.99

1. Pada harga pengguna 1970; 2. Pada harga pengguna 1978; 3. Pada harga pengguna 1987

Sumber: 1. Malaysia (1979), 2. Malaysia (1991a), 3. Malaysia (2006a).

Perubahan struktur ekonomi negara daripada berteraskan sektor pertanian dan perlombongan kepada sektor pembuatan dan perkhidmatan pada penghujung tempoh pelaksanaan DEB memberi kesan langsung terhadap KDNK Malaysia. Walaupun nilai KDNK sektor pertanian dan perlombongan masih besar tetapi sumbangannya kian menurun masing-masing daripada 15 peratus dan 7.0 peratus pada 1990 kepada 7.0 peratus dan 5.6 peratus pada 2005. Purata pertumbuhan tahunannya juga menurun masing-masing daripada 11.3 peratus dan 15.1 peratus bagi tempoh 1971-1990 kepada 3.7 peratus dan 5.4 peratus bagi tempoh 1991-2005. Kepentingan kedua-dua sektor ini telah diambil alih oleh sektor pembuatan dan perkhidmatan yang masing-masing menyumbang kira-kira 21 peratus dan 33 peratus pada 2005 berbanding masing-masing hanya 21 peratus dan 27 peratus pada 1990. Sektor perkhidmatan juga turut mengalami kadar pertumbuhan yang lebih pesat pada masa kebelakangan ini. Hal ini menunjukkan bahawa ekonomi Malaysia membangun dengan pesat. Begitu juga dengan taraf hidup penduduknya.

## Di Sebalik Kecekapan Ekonomi Wujud Ketaksamaan

Peningkatan KDNK negara membayangkan bahawa Malaysia semakin berdaya saing dan menjadi pengeluar yang kian cekap. Pada masa lalu, para pembuat dasar pembangunan negara di seluruh dunia percaya bahawa kecekapan ekonomi dapat dicapai apabila ruang ekonomi dapat dimajukan secara seimbang antara sebuah wilayah dengan sebuah wilayah yang lain. Pendekatan pembangunan wilayah melalui pengagihan sumber dilaksanakan untuk mencapai keseimbangan pembangunan. Program penyahpusatan pembangunan melalui pembukaan kawasan pertanian dan pusat pertumbuhan perindustrian baru diberi keutamaan. Model pembangunan ekonomi pertumbuhan khususnya agihan melalui pertumbuhan di terima pakai dengan meluas termasuk di Malaysia. Model perancangan petempatan seperti hukum saiz-pangkat dan hierarki petempatan pusat dan kutub pertumbuhan juga diterima pakai dengan meluas (Katiman Rostam 2001). Para pembuat dasar pada waktu itu yakin bahawa pendekatan yang memberi perhatian kepada kecekapan ruang melalui keseimbangan dalam pembangunan ini dapat membantu negara menyempitkan jurang antara kumpulan penduduk yang berada dan tidak berada. Ini seterusnya mengendurkan kemungkinan berlakunya ketegangan politik antara wilayah maju dan wilayah mundur dalam negara. Dalam tempoh pelaksanaan DEB (1971-1990) letakan aktiviti pembuatan, khususnya industri barangan elektrik dan elektronik, industri asas sumber dan pakaian di negara ini bertumpu ke kawasan yang menawarkan tapak dan kos buruh yang murah. Kawasan yang mempunyai kelebihan bandingan daripada segi kos tapak, buruh dan bahan mentah wilayah Pantai Timur Semenanjung, Sabah dan Sarawak turut menerima kedatangan pelabur. Bagaimanapun, pendekatan ini tidak dapat dipertahankan lebih lama. Proses globalisasi ekonomi meresap ke seluruh wilayah dunia termasuk Malaysia.

Seperti kebanyakan negara maju dan sesetengah negara membangun yang lain, proses pembangunan ekonomi Malaysia banyak dipengaruhi oleh sektor pembuatan dan perkhidmatannya. Oleh kerana kecilnya modal domestik, Malaysia banyak bergantung kepada pelaburan asing sama yang langsung atau yang bersifat portfolio untuk memajukan sektor pembuatan dan perkhidmatannya. Pelaburan asing langsung lazimnya cenderung untuk bertumpu ke kawasan yang menawarkan kelebihan ekonomi yang boleh merendahkan kos pengeluaran. Bagaimanapun, selepas 1990-an, proses pembuatan di negara ini mengalami perubahan yang ketara. Kelebihan bandingan melalui penawaran kos tapak dan buruh kurang mahir yang murah kian terhakis akibat pembukaan pasaran di

negara China, Vietnam, India dan negara lain di dunia. Salah satu kesannya, Para pelabur mula menumpukan pelaburan ke kawasan yang menawarkan daya saing yang tinggi.

Di Malaysia, kawasan yang mempunyai ciri daya saing yang tinggi umumnya adalah terletak di sekitar bandar raya metropolitan. Ini kerana kawasan tersebut menawarkan pelbagai kelebihan aglomerasi ekonomi seperti faedah ekonomi pembandaran, ekonomi skala dan ekonomi persetempatan. Penempatan aktiviti di kawasan sekitar metropolitan memberi peluang firma untuk memanfaatkan pelbagai kemudahan perkhidmatan pengeluar seperti perkhidmatan penyelidikan dan pembangunan inovasi, pengkomputeran, perbankan, penghantaran, insurans, guaman dan perakaunan. Selain itu kawasan di sekitar bandar raya metropolitan juga menawarkan pelbagai faedah endowmen bersifat kewilayahan bandar seperti infrastruktur dan infostruktur bandar, sumber manusia yang mahir dan melieu keinstitutionian yang kondusif yang amat diperlukan dalam proses pembuatan dan pengeluaran aktiviti perkhidmatan moden (Katiman Rostam 2006). Wilayah perbandaran metropolitan seperti Lembah Klang-Langat di Wilayah Tengah, Pulau Pinang-Kulim di Wilayah Utara dan Johor Baharu di Wilayah Selatan menjadi tumpuan perkembangan ekonomi pembuatan dan perkhidmatan moden.

### **Wilayah Tengah Sebagai Pusat Tumpuan Aktiviti Pembuatan dan Perkhidmatan Termaju**

Perkembangan ekonomi di Malaysia selepas 1990-an terkait secara langsung dengan perubahan yang berlaku di peringkat global. Liberalisasi ekonomi dan deregulasi pelbagai peraturan telah membuka pasaran negara ini dengan luas kepada pelaburan asing. Wilayah pertumbuhan utama di sekitar Lembah Klang-Langat merupakan kawasan yang mempunyai daya saing bagi menempatkan pelbagai aktiviti pembuatan dan perkhidmatan. Misalnya pada 2005, negeri Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu Wilayah Tengah yang juga merupakan wilayah pertumbuhan utama di negara ini menyumbang sejumlah 41.1 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara dengan kadar pertumbuhan 4.6 peratus setahun (2001-2006). Negeri Selangor mencatatkan kadar pertumbuhan KDNK yang paling pesat iaitu 5.2 peratus setahun bagi tempoh 2001-2005 dan dijangka meningkat kepada 6.2 peratus setahun bagi tempoh lima tahun berikutnya (Malaysia 2006a).

Penyumbang utama KDNK Wilayah Tengah adalah sektor pembuatan dan perkhidmatan. Dalam sektor pembuatan sejumlah 68.1 peratus daripada 4,807 projek perindustrian yang diluluskan di Malaysia ditempatkan di wilayah tersebut. Negeri Selangor sahaja menyumbang 22.1 peratus daripada jumlah pelaburan dalam sektor

pembuatan. Jumlah tersebut bersamaan RM29.3 bilion iaitu bagi 1,517 projek yang diluluskan dalam tempoh 2001-2005. Walaupun negeri Selangor telah menjadi tumpuan pelaburan sejak 1970-an lagi namun selepas 2001 penumpuan pelabur menjadi lebih ketara. Peningkatan jumlah projek dan modal pelaburan ke negeri Selangor menunjukkan bahawa wujud pemusatan yang ketara dalam proses perindustrian di negara ini. Selangor mempunyai tarikan yang cukup kuat justeru itu berdaya saing tinggi berbanding negeri lain di negara ini. Jadual 2 menunjukkan taburan projek perindustrian yang diluluskan mengikut negeri di Malaysia

Jadual 2. Projek perindustrian yang diluluskan mengikut negeri di Malaysia, 1971-2005

Negeri	1971-1980		1986-1990		1991-2000		2001-2005	
	Projek	Pelaburan (RM juta)	Projek	Pelaburan (RM juta)	Projek	Pelaburan (RM juta)	Projek	Pelaburan (RM juta)
Johor	630	1,954.1	760	7,798.5	1,843	33,160.2	1,091	19,031.1
Kedah	194	799.2	165	4,985.2	512	21,073.7	275	9,118.8
Kelantan	67	133.4	25	101.9	70	1,635.4	40	474.9
Melaka	179	548.9	112	2,418.8	317	15,851.5	205	10,317.0
Negeri Sembilan	143	536.9	101	1,897.9	367	13,770.8	184	6,327.7
Pahang	163	1,328.8	70	2,265.3	191	13,895.9	88	4,739.1
Perak	385	1,546.0	192	1,577.6	549	17,047.7	265	6,955.5
Perlis	16	79.9	10	36.2	52	3,821.9	13	83.0
Pulau Pinang	562	1,572.7	452	4,591.4	1,033	22,268.2	663	14,997.0
Sabah	147	465.5	129	1,727.1	348	8,383.3	145	6,834.5
Sarawak	238	3,051.7	120	5,458.6	334	26,156.8	175	16,443.0
Selangor	1,131	2,452.6	120	5,458.6	2,207	45,089.8	1,517	29,245.3
Terengganu	61	151.8	36	11,090.4	165	29,646.6	31	5,706.6
W.P. Kuala Lumpur	269	595.5	107	583.2	212	1,339.3	111	2,041.8
W.P. Labuan	-	-	-	-	5	32.1	4	41.8
Malaysia	4,185	15,217.0	2,399	49,990.7	8,205	253,173.2	4,807	132,357.0

*Nota.* Angka yang sebanding bagi tempoh 1981-1985 tidak dapat ditunjukkan.

*Sumber:* 1. MIDA (2006); 2. Malaysia (1981); 3. Malaysia (1996).

Kelebihan daya saing negeri Selangor jauh mengatasi negeri lain. Negeri Selangor tidak hanya menawarkan peluang pasaran, infrastruktur dan infostruktur yang bertaraf dunia, tetapi juga segi sumber manusia yang rata-rata berkemahiran tinggi. Ekonomi aglomerasi pembandaran yang ditawarkan oleh bandar raya metropolitan dan bandar besar lain di sekitarnya dalam pelbagai bentuk perkhidmatan pengeluar yang maju seperti penyelidikan dan pembangunan inovasi, pusat pentadbiran, perdagangan dan kewangan negara yang moden, institusi pendidikan yang maju, kemudahan rekreasi dan sebagainya yang kurang terdapat di tempat lain, memberi kelebihan kepada Wilayah Tengah. Di samping itu,

kehampiran wilayah tersebut dengan sumber bahan yang diimport, juga struktur ekonomi yang kondusif terutamanya daripada segi kos tapak dan upah buruh yang kompetitif, serta kemudahan yang bersifat keinstitutionan yang boleh memudahkan proses pengeluaran menjadikan Wilayah Tengah, khususnya Lembah Klang-Langat terus menjadi tarikan pelabur (Jadual 3).

Jadual 3. Keluaran Dalam Negara Kasar per kapita mengikut industri asal dan negeri di Malaysia

Negeri	Keluaran Dalam Negara Kasar Per Kapita (RM) dan Purata Kadar Pertumbuhan Tahunan (%)						
	1971 <sup>1</sup>	1980 <sup>1</sup>	1990 <sup>2</sup>	2000 <sup>3</sup>	2005 <sup>3</sup>	Purata kadar pertumbuhan Tahunan (%)	
	KDNK	KDNK	KDNK	KDNK	KDNK	1971-1990	1990-2005
Johor	1,083	1,726	4,082	13,954	18,733	7.0	10.2
Kedah	728	1,101	2,612	8,918	12,132	6.7	10.2
Kelantan	564	842	1,727	6,241	8,638	5.9	10.7
Melaka	877	1,469	3,723	15,723	21,410	7.6	11.7
N.Sembilan	1,144	1,817	3,744	12,791	17,555	6.2	10.3
Pahang	1,170	1,486	3,648	10,370	14,549	6.0	9.2
Perak	1,167	1,583	3,532	13,183	18,616	5.8	11.1
Perlis	728	1,101	2,936	10,802	15,166	7.3	11.0
Pulau Pinang	1,035	2,357	5,246	21,409	28,581	8.6	9.6
Sabah	1,303	1,847	3,695	9,123	11,323	5.5	7.5
Sarawak	915	1,382	3,892	12,755	16,861	7.6	9.7
Selangor	2,152	3,176	6,341	17,363	21,286	5.7	8.1
Terengganu	615	1,316	6,993	22,994	29,516	12.6	9.6
W.P.K.Lumpur	2,153	3,176	8,501	30,727	39,283	7.2	10.2
Malaysia	1,172	1,836	4,426	14,584	19,189	7.0	9.8

Nota: KDNK Per kapita tahun 1970 dan 1980 adalah mengikut harga 1970. Angka 1990 mengikut harga 1978. Angka 2000 mengikut harga 1987 pada harga pembeli.

Sumber: 1. Malaysia (1981); 2. Malaysia (1991a); 3. Malaysia (2001b).

Wilayah Tengah, khususnya negeri Selangor merupakan kawasan tumpuan pelaburan di Malaysia. Di negeri Selangor, para pelabur bertumpu ke beberapa daerah di Lembah Klang-Langat. Misalnya pada tahun 2005 sahaja daripada sejumlah 335 projek perindustrian yang diluluskan di negeri Selangor 56 peratus ditempatkan ke daerah Petaling, Klang dan Hulu Langat (MIDA 2006). Dalam sektor perkhidmatan pengeluar pula 35 peratus daripada 11,329 pertubuhan perniagaan perkhidmatan yang didaftarkan di seluruh negara pada 2002 terdapat di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Malaysia 2006b). Ini membuktikan bahawa sektor pembuatan dan perkhidmatan semakin bertumpu ke kawasan sekitar Wilayah Metropolitan Lembah Klang-Langat. Sumbangan wilayah tersebut kepada ekonomi negara semakin kokoh terutamanya dalam meningkatkan taraf sosioekonomi penduduk secara keseluruhannya. Ini menimbulkan keadaan ketaksamaan agihan pembangunan antara wilayah yang maju dan wilayah kurang maju di negara ini.

### Ketaksamaan Ekonomi dan Sosial Antara Wilayah dan Antara Desa dan Bandar

Penumpuan aktiviti ekonomi ke pusat pertumbuhan utama mewujudkan jurang pembangunan yang agak ketara antara wilayah yang maju dan wilayah kurang maju, juga antara isi rumah desa dan isi rumah bandar, dan antara isi rumah bumiputra dan isi rumah bukan bumiputra di Malaysia. Wilayah di sekitar bandar raya metropolitan yang menempatkan pelbagai aktiviti pembuatan dan perkhidmatan khususnya. Wilayah maju di tengah, utara dan selatan merekodkan tahap pencapaian sosioekonomi yang lebih tinggi berbanding dengan wilayah di timur Semenanjung, Sabah dan Sarawak (Jadual 4).

Jadual 4. Penunjuk ekonomi dan sosial terpilih mengikut negeri di Malaysia

Negeri	Penunjuk ekonomi dan sosial terpilih											
	Pendapatan bulanan purata isi rumah (RM)			Insiden kemiskinan (%)			Murid setiap guru (Sekolah rendah)			Orang bagi setiap doktor berdaftar		
	1976 <sup>1</sup>	1990	2004	1976	1990	2004	1970	1990	2003	1970	1990	2005
Johor	513	1,220	3,076	27.3	10.1	2.0	31	20.6	18.0	5,480	3,145	1,794
Kedah	306	860	2,126	55.1	30.0	7.0	31	20.9	18.4	10,328	4,277	1,872
Kelantan	269	726	1,829	59.2	29.9	10.6	29	20.2	17.9	14,218	3,764	1,596
Melaka	568	1,190	2,792	29.1	12.4	1.8	31	18.9	17.0	3,921	2,648	1,051
N.Sembilan	505	1,162	2,886	26.7	9.5	1.4	31	19.1	16.5	4,033	2,617	1,191
Pahang	477	1,092	2,410	32.0	10.3	4.0	30	19.3	15.9	7,599	3,508	1,786
Perak	436	1,067	2,207	38.7	19.3	4.9	32	19.9	17.5	4,345	2,823	1,509
Perlis	338	852	2,046	48.7	17.2	6.3	27	19.4	16.1	7,856	3,400	1,655
Pulau Pinang	589	1,375	3,531	29.1	4.0	0.3	34	20.6	18.0	2,502	1,815	963
Sabah	573	1,358	2,487	51.2	38.3	23.0	t.m	19.4	15.6	8,379	5,082	2,719
Sarawak	426	1,199	2,725	51.7	21.0	7.5	t.m	17.8	15.6	12,204	5,175	2,078
Selangor	735	1,790	5,175	21.4	7.8	1.0	35	24.0	20.6	1,801	2,280	1,512
Terengganu	339	905	1,984	51.4	31.2	15.4	30	19.7	16.3	14,514	4,226	2,145
W.P.K.Lumpur	1,058	2,162	5,011	6.7	3.8	1.5	t.m	29.2	20.3	t.m	721	396
Malaysia	505	1,254	3,249	37.7	17.1	5.7	32	20.4	17.4	4,263	2,560	1,387

*Nota:* Pendapatan 1976 mengikut harga pengguna 1970, 1990 dan 2004 harga 1987.

*Sumber:* 1. Malaysia (1981); 2. Malaysia (1991a); 3. Malaysia (1991b);  
4. Malaysia (2001); 5. Malaysia (2006b).

Pendapatan purata isi rumah di ketiga-tiga wilayah maju tersebut adalah yang tertinggi terutamanya selepas 2000. Pencapaian yang serupa dapat diperhatikan pada penunjuk sosial yang lain seperti insiden kemiskinan melainkan kemudahan pendidikan rendah dan kesihatan yang tidak banyak dipengaruhi oleh peningkatan pendapatan purata isi rumah.

Analisis Pekali Variasi dan Pekali Gini boleh menjelaskan lagi jurang pembangunan antara wilayah di Malaysia bagi tahun terpilih. Jadual 5 menunjukkan bahawa terdapat kecenderungan berlakunya pelebaran jurang pembangunan antara negeri yang maju dan negeri yang kurang maju di negara ini. Jurang pendapatan antara kumpulan

penduduk yang berada dan kumpulan penduduk yang kurang berada seperti yang dapat ditunjukkan oleh Pekali Gini turut menyokong pelebaran jurang agihan pendapatan di kalangan isi rumah negara ini. Isi rumah di wilayah yang kurang maju seperti Kedah, Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak rata-rata berpendapatan tidak sampai separuh pendapatan isi rumah di wilayah yang maju khususnya Wilayah Persekutuan dan Selangor. Pendapatan isi rumah di wilayah maju terus meningkat kerana wujudnya peluang yang banyak untuk meningkatkan status ekonomi. Ini berbeza jika dibandingkan dengan keadaan yang terdapat di wilayah yang kurang maju Perbezaan ini mewujudkan jurang ketaksamaan yang lebar antara wilayah di negara ini (Mohamad Aslam & Asan Ali Golam Hassan 2003).

Jadual 5. Tahap Ketaksamaan pembangunan sosial dan ekonomi Wilayah di Malaysia tahun terpilih 1970 - 2004

Tahun	Pekali Variasi <sup>1</sup>	Tahun	Pekali Gini <sup>2</sup>
1965	0.3450	1957	0.41
1970	0.3513	1970	0.50
1976	0.2800	1979	0.51
1990	0.3905	1990	0.44
2000	0.4469	1999	0.44
2004	0.3900	2004	0.46

Nota: Pekali Variasi adalah suatu anggaran variasi daripada magnitud dan pekali ini dikira dengan membahagikan sisihan piawai dengan min. Data yang lazimnya digunakan bagi mengira sisihan piawai dan min adalah pendapatan per kapita/pendapatan isi rumah bagi suatu wilayah di sebuah negara. Semakin tinggi nilai pekali maka semakin lebar jurang pendapatan antara wilayah di negara berkenaan.

Sumber: <sup>1</sup> Angka Pekali Variasi bagi 1965 dan 1970 merujuk kepada Semenanjung Malaysia (Ghani Salleh 2000). Angka 1980, 1990, 2000 dan 2004 dikira berdasarkan data daripada pelbagai sumber khususnya Malaysia (1976), Malaysia (1981), Malaysia (1996), Malaysia (2001b) dan Malaysia (2006a).

<sup>2</sup> Angka Pekali Gini Malaysia (lihat Hassan Haji Ali & Rahmah Ismail (1996); Malaysia (2001 dan 2006).

Di samping ketaksamaan pembangunan ekonomi dan sosial antara wilayah, wujud juga ketakseimbangan antara kawasan desa dan kawasan bandar. Kepesatan proses pembandaran di negara ini menyebabkan kawasan desa semakin mengecil sama ada daripada segi saiz penduduk mahupun kawasan petempatannya. Proses pemodenan dan pembandaran telah meningkatkan pendapatan isi rumah bandar dengan kadar yang lebih pesat berbanding isi rumah desa. Ini mewujudkan jurang yang agak lebar antara pendapatan isi rumah bandar dan isi rumah desa. Misalnya pada 2004, pekali Gini penduduk bandar 0.46 berbanding pekali Gini pendapatan isi rumah desa hanya 0.40. Bagaimanapun pekali Gini bagi pendapatan kasar bulanan isi rumah desa telah menurun

daripada 0.46 pada 1970 kepada 0.40 pada 2004. Walaupun pekali Gini pendapatan isi rumah bandar juga menurun daripada 0.50 pada 1970 kepada 0.44 pada 2004, namun jurang pendapatan di kalangan isi rumah bandar di Malaysia masih lagi lebar. Jadual 6 menunjukkan keadaan tersebut.

Jadual 6. Ketaksamaan agihan pendapatan kasar bulanan isi rumah Malaysia mengikut strata desa dan bandar

Strata petempatan	Purata pendapatan kasar bulanan isi rumah (RM pada harga semasa)			Pekali Gini		
	1970	1990	2004	1970	1999	2004
Desa	392	951	1,744	0.46	0.42	0.40
Bandar	497	1,617	3,680	0.50	0.43	0.44
Malaysia	264	1,167	3,022	0.50	0.45	0.46

*Sumber:* 1. Perangkaan bagi tahun 1999 & 2000 berdasarkan Malaysia (2006)  
2. Perangkaan 1970 berasaskan OPP2 Malaysia (1991) dan Hasnah Ali & Rahmah Ismail (1996)

### Ketakselarasan Indeks Kualiti Hidup

Bagi menilai perubahan kualiti hidup penduduk Malaysia, Indeks Kualiti Hidup (IKH) boleh dijadikan ukuran asas. IKH komposit penduduk negara ini selepas pelaksanaan DPN umumnya menunjukkan peningkatan yang ketara. Peningkatan berlaku pada kebanyakan penunjuk seperti pendapatan, persekitaran pengangkutan tempat kerja, pendidikan, perumahan, kehidupan keluarga penyertaan sosial. Bagaimanapun, indeks alam sekitar dan keselamatan awam menunjukkan penurunan yang cukup jelas. Di sebalik peningkatan ekonomi, rata-rata penduduk negara ini menghadapi tekanan yang berpunca daripada penurunan kualiti alam sekitar dan tahap keselamatan awam. (Jadual 7). Antara perkara yang menyebabkan berlakunya ketakselamatan awam ialah peningkatan jenayah dan kemalangan jalan raya (Asmah Ahmad 2007).

Jadual 7. Indeks Kualiti Hidup komposit Malaysia bagi tahun terpilih 1990-2002

Tahun	Pendapatan	Persekitaran tempat kerja	Pengangkutan & komunikasi	Kesihatan	Pendidikan	Perumahan	Alam sekitar	Kehidupan keluarga	Penyertaan sosial	Keselamatan awam	Kebudayaan	Indeks Komposit

1990	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0
1995	105.1	113.2	108.1	105.6	104.9	114.2	103.9	107.7	103.6	87.7	97.5	104.3
2000	108.5	118.5	115.4	113.2	114.2	116.2	90.4	102.4	104.1	74.2	109.6	106.4
2002	107.5	119.9	120.9	115.8	117.4	116.5	98.2	107.2	110.6	80.1	114.1	109.8

Nota: Indeks Kualiti Hidup di sini berasaskan kepada keadaan pada tahun 1990 (100.0). Semakin tinggi IKH melebihi 100 maka semakin baik pula keadaan kehidupan penduduk negara ini. Begitulah juga sebaliknya.

Sumber: Malaysia (2005).

Pencapaian IKH yang rata-rata tinggi selepas pelaksanaan DPN membuktikan bahawa Malaysia sedang melalui proses pembangunan ekonomi dan sosial yang pesat. Bagaimanapun, penurunan kualiti alam sekitar dan tahap keselamatan awam memberi gambaran bahawa pembangunan ekonomi di negara ini masih meninggalkan impak fizikal dan sosial yang boleh membimbangkan. Kebimbangan ini menjadi lebih serius apabila dikaitkan dengan isu ketaksamaan dalam agihan pembangunan.

### **Ketakseseimbangan Ekonomi dan Sosial Antara Kumpulan Etnik**

Selain ketakseseimbangan pembangunan antara wilayah wujud juga gejala ketaksamaan agihan ekonomi dan sosial antara kumpulan etnik di negara ini. Jadual 8 menjelaskan hal tersebut. Dalam tempoh lebih empat dekad, purata pendapatan isi rumah di Malaysia umumnya telah meningkat dengan ketara daripada RM264 (1970) kepada RM3,249 (2004). Bagaimanapun, pekali Gini masih lagi berada pada aras yang tinggi, 0.462 pada 2004. Ini menunjukkan wujud jurang ketaksamaan pendapatan di kalangan isi rumah di negara ini. Ketaksamaan ini menjadi lebih rumit kerana wujud jurang yang lebar antara pendapatan bulanan isi rumah etnik bumiputra dengan pendapatan bulanan etnik bukan bumiputra. Misalnya pada 2004 purata pendapatan bulanan isi rumah bumiputra kira-kira separuh pendapatan bulanan petnik Cina.

Jadual 8. Purata pendapatan isi rumah kasar bulanan dan pekali Gini mengikut kumpulan etnik 1970, 1990 dan 2004 di Malaysia

Kumpulan etnik	Purata pendapatan bulanan isi rumah kasar (RM)			Pekali Gini		
	1970	1990 <sup>1</sup>	2004 <sup>2</sup>	1970	1990	2004
Bumiputra	177	940	2,711	0.47	0.43	0.452
Cina	399	1,634	4,437	0.46	0.42	0.446
India	310	1,209	3,456	0.46	0.39	0.425
Lain-lain	813	9 55	2,312	t.m	t.m	0.462

Malaysia	264	1,167	3,249	0.50	0.44	0.462
----------	-----	-------	-------	------	------	-------

*Nota:* harga semasa. Angka bagi 1970 hanya untuk Semenanjung Malaysia sahaja.

*Sumber:* 1. Hasnah Ali & Rahmah Ismail (1996); 2. Malaysia (1996). 3. Roslan (t.t).  
4. Malaysia.1991. 5. Malaysia (2006c).

Berdasarkan perbincangan di atas dapat dikatakan bahawa proses pembangunan di negara ini sejak awal pelaksanaan DEB hingga ke era DPN, di sebalik pertumbuhan ekonomi yang pesat, wujud jurang pembangunan sosial yang ketara. Jurang tersebut tidak hanya wujud antara wilayah maju dan kurang maju tetapi juga antara kawasan desa dan bandar. Lebih kompleks lagi, jurang pembangunan ekonomi dan sosial juga masih dapat dilihat antara kumpulan etnik utama di negara ini. Globalisasi ekonomi cenderung untuk melebarkan lagi jurang ketaksamaan tersebut.

### Polarisasi Pembandaran dan Pertumbuhan Bandar

Pemusatan kegiatan ekonomi di sekitar bandar raya metropolitan memberi kesan yang ketara terhadap pola pambadaran negara kebelakangan ini. Polarisasi pembandaran dan penumpuan penduduk bandar di wilayah tengah menjadi semakin nyata. Sebelum 1970, proses pembandaran di Malaysia umumnya berlaku pada kadar yang agak perlahan dan hanya bandar besar tertentu sahaja, khususnya Kuala Lumpur yang menjadi tumpuan perpindahan penduduk. Ekonomi negara banyak bergantung kepada sektor pertanian dan perlombongan yang aktivitiya lebih bertumpu ke kawasan luar bandar. Proses pemodenan desa turut berlaku sama ada secara *in situ* atau melalui penerokaan petempatan baru. Aras pambadaran negara waktu itu agak rendah (28 peratus) kerana majoriti penduduk tinggal di luar bandar. Menjelang akhir 1980-an iaitu penghujung tempoh pelaksanaan DEB, struktur ekonomi negara mengalami perubahan pesat. Sektor pembuatan khususnya yang bersifat intensif buruh dengan produk utamanya perkakas elektrik dan elektronik dengan keluaran untuk eksport, memberi sumbangan yang besar kepada ekonomi negara. Perkembangan sektor pembuatan telah meningkatkan proses pembandaran. Kadar pertumbuhan purata penduduk bandar waktu itu juga agak tinggi rata-rata melebihi 5.0 peratus (Jadual 9).

Jadual 9. Pertumbuhan penduduk bandar di Malaysia antara tahun banci, 1970-2000

Tahun banci	Penduduk (000)		Kadar Purata Pertumbuhan Penduduk Tahunan (%)		Aras /Kadar Pembandaran
	Jumlah	Bandar	Jumlah	Bandar	
1970	10,439.4	2,750.8	-	-	28.4
1980	13,136.1	5,007.3	2.30	6.5	34.2
1991	17,563.4	8,862.6	2.90	5.2	50.7
2000	22,202.6	13,759.2	2.26	4.9	61.8

Sumber: 1. Ghani Salleh (2000). 2. Malaysia (2001a).

Pembandaran di Malaysia menjadi lebih pesat menjelang alaf baru. Pada mulanya industri berkembang di merata kawasan termasuk bandar kecil di wilayah luar bandar dan kurang maju. Malah bandar kecil bersaiz 10,000-25,000 berkembang pesat dalam tempoh 1970-1980 sedangkan sesetengah bandar saiz sederhana mengalami kadar pertumbuhan yang negatif. Program penyahpusatan pembangunan ke kawasan kurang maju di Pantai Timur Semenanjung, Sabah dan Sarawak selepas 1980-an telah memberi kesan kepada pertumbuhan bandar kecil dan sederhana. Dalam tempoh 1980-1991, hanya bandar dalam kategori besar yang mengalami pertumbuhan negatif sedangkan bandar kategori lain mencatatkan purata kadar pertumbuhan melebihi 5.0 peratus kecuali bandar dalam kategori 50,000-100,000 yang mencatatkan kadar pertumbuhan agak perlahan (2.5 peratus setahun). Trend pembandaran dan pertumbuhan penduduk bandar tersebut menunjukkan wujudnya kesan penyelerakan terhadap pembangunan ekonomi dan sosial di luar kawasan pertumbuhan utama.

Selepas tamatnya tempoh pelaksanaan DEB pada 1990, trend pembandaran dan pertumbuhan bandar mula berubah. Perubahan ini selaras dengan anjakan struktur ekonomi negara yang menuju kepada sektor pembuatan dan perkhidmatan moden yang berpusat di sekitar bandar raya. Kemasukan pelaburan asing khususnya pelaburan asing langsung ke negara ini semakin meningkat kerana kelebihan daya saing Malaysia daripada segi penawaran buruh mahir dengan upah yang relatif rendah berbanding negara maju. PIP1 dan PIP2 yang menjadi panduan bagi program perindustrian negara. Tumpuan aktiviti ekonomi moden di negara ini adalah di kawasan sekitar bandar raya metropolitan khususnya Wilayah Metropolitan Lembah Klang termasuk Lembah Langat, Pulau Pinang dan Johor Baharu. Perkembangan ekonomi bandar yang berpaksikan bandar raya menggalakkan pembandaran menumpu dan pertumbuhan penduduk bandar raya metropolitan. Perubahan ini ditunjukkan dalam Jadual 10.

Jadual 10. Pertumbuhan penduduk bandar di Malaysia mengikut kategori saiz bandar bagi tahun 1970, 1980, 1991 dan 2000

Saiz bandar (000)	1970		%	1980		%	1991		%	2000	
	Bil.	Penduduk (000)		Bil.	Penduduk (000)		Bil.	Penduduk (000)		Bil.	Penduduk (000)
>500,000	0	0	-	2	1,476.5	-2.2	1	1,145.3	11.2	4	3,142.1
100,000-499,999	5	1,218.8	4.6	10	1,936.4	8.7	24	5,015.4	3.1	29	6,617.7
50,000- 99,999	12	806.7	-1.6	10	689.1	2.5	13	909.5	4.2	19	1,329.6

25,000-49,999	10	364.5	- 1.2	9	323.1	7.4	21	734.9	6.6	36	1,321.8
10,000-24,999	24	360.8	4.7	39	582.2	5.4	66	1,057.5	2.6	82	1,348.0
Jumlah	51	2,750.8	6.5	70	5,007.3	5.2	125	8,862.6	4.9	170	13,759.2

Nota: Hanya petempatan bandar yang diwartakan dengan saiz melebihi 10,000 orang pada tahun banci 2000 diambil kira dalam pengiraan di sini.

Sumber: Diolah berdasarkan perangkaan: 1. Malaysia (1982). 2. Malaysia (2001a).

Tempoh 1991-2000 dalam sejarah pembandaran di Malaysia sangat menarik untuk diperhatikan. Ini bukan sahaja kerana pertambahan bilangan pusat bandar dan aras pembandaran negara yang tinggi hingga mencapai hampir 65 peratus, tetapi juga kerana kadar pertumbuhan penduduk bandar yang pesat. Lebih menarik lagi kerana sebahagian besar penduduk bandar di negara ini bertumpu di bandar raya yang bersaiz lebih 400,000 khususnya di Lembah Klang (Jadual 11).

Jadual 11. Pertumbuhan penduduk bandar di Lembah Klang-Langat, 1991-2000

Bandar	Penduduk bandar 1991 (,000)			Penduduk bandar 2000 (,000)			Pertumbuhan tahunan (% Jumlah)
	Bandar sebenar	Tepu-bina	Jumlah	Bandar sebenar	Tepu-bina	Jumlah	
Kuala Lumpur	1,145.3	-	1,145.3	1,297.5	-	1,297.5	1.3
Klang	243.4	125.0	368.4	317.5	314.1	631.7	6.0
Petaling Jaya	254.3	96.6	351.0	220.7	217.4	438.1	2.5
Subang Jaya	53.8	25.2	79.0	255.5	167.8	423.3	18.7
Ampang Jaya	132.4	158.0	290.5	159.8	319.1	478.6	5.5
Shah Alam	119.6	38.9	158.4	166.6	153.0	319.6	7.8
Selayang	124.2	10.0	134.2	164.8	22.9	187.7	3.7
Kajang	46.3	54.2	100.5	86.1	121.3	207.3	8.1
Batu 9 Cheras	21.2	29.7	50.9	32.7	86.1	121.3	9.6

Sumber: 1. Malaysia (2001a) 2. Malaysia (2001b).

Selain Kuala Lumpur, terdapat lima (daripada lapan bandar raya di Malaysia) terletak di Lembah Klang iaitu Klang, Petaling Jaya, Ampang Jaya dan Subang Jaya. Terdapat juga beberapa buah bandar besar yang berpenduduk melebihi 100,000 orang di Lembah Klang-Langat iaitu Selayang, Shah Alam, Kajang dan Batu Sembilan, Cheras. Ini menunjukkan bahawa proses pembandaran menumpu ke sekitar wilayah maju iaitu Lembah Klang-Langat sedang berlaku dengan pesat.

Perbincangan tentang kecekapan ekonomi dan proses pembandaran menumpu tidak lengkap tanpa menyentuh isu konurbasi bandar iaitu wilayah perbandaran mega dan fenomena bandar raya primat. Kuala Lumpur dengan penduduk tahun 2000 kira-kira 1.4 juta jiwa, berbanding tiga bandar raya lain pada rank kedua, ketiga dan keempat dalam hierarki bandar di Malaysia iaitu Klang, Johor Bahru dan Ipoh yang masing-masing berpenduduk kira-kira 631,000, 630,000 dan 574,000 jiwa, pada dasarnya belum dapat dianggap sebagai bandar raya primat (Jadual 12).

Jadual 12. Penduduk 30 bandar utama di Malaysia 1991 dan 2000

Bandar	Penduduk bandar (000)			
	1970	1980	1991	2000
Kuala Lumpur	451.8	919.6	1,145.3	1,305.8
Klang	113.6	192.1	368.9	631.7
Johor Baru	136.2	556.9	441.7	630.6
Ipoh	248.0	293.8	468.8	574.0
Ampang Jaya	11.1	13.0	290.4	475.3
Petaling Jaya	93.4	207.8	351.0	438.1
Kuching	63.5	227.9	227.9	423.9
Subang Jaya	0	0	79.0	423.3
Shah Alam	0	19.0	158.4	319.6
Kota Kinabalu	40.4	59.5	160.2	305.4
Seremban	80.9	132.9	193.2	290.1
Kuantan	43.4	131.5	202.4	289.4
Sandakan	42.4	73.8	156.7	275.4
Kuala Trengganu	79.4	188.3	228.1	255.1
Kota Baru	55.1	167.9	234.6	252.7
Tawau	24.3	45.3	124.9	213.9
Kajang & Sg. Chua	22.0	28.9	100.5	207.3
Taiping	54.6	146.0	200.3	199.9
Bandar Baru Selayang	0	0	134.2	187.7
Alor Star	66.3	69.4	164.4	186.5
Georgetown	269.2	248.2	219.6	180.6
Batu 9 Cheras	3.5	3.5	52.0	177.5
Sungai Petani	36.0	45.3	117.0	174.6
Miri	35.7	53.8	102.9	167.5
Sibu	50.6	86.9	133.5	166.3
Bukit Mertajam	26.6	28.7	122.0	165.4
Melaka B.R. Besejarah	87.2	87.5	113.8	149.5
Kluang	43.3	50.3	98.7	134.9
Bandar Penggaram	53.3	64.7	84.1	123.2
Kulim	18.5	26.8	58.3	117.4

*Nota:* Angka bagi 1991 dan 2000 merujuk kepada kawasan bandar dan tepu binanya  
*Sumber:* 1. Malaysia (1982). 2. Malaysia (2001a).

Pada skala global mahupun serantau, saiz penduduk Kuala Lumpur masih terlalu kecil untuk digelar bandar raya mega atau bandar raya primat. Bagaimanapun, konsep bandar raya primat bukanlah sesuatu yang mutlak. Takrif bandar raya primat dan darjah keprimatannya (primasi) adalah suatu yang relatif serta boleh berubah dari semasa ke semasa. Menggunakan kaedah Indeks Empat Bandar<sup>1</sup>, darjah keprimatan bandar raya Kuala Lumpur dapat dinilai. Berdasarkan maklumat pada Jadual 12 (perangkaan tahun 2000), darjah keprimatan Kuala Lumpur adalah 41.56 peratus, suatu angka yang masih boleh dianggap rendah. Bagaimanapun, sekiranya penduduk bandar di seluruh Wilayah Metropolitan Lembah Klang-Langat meliputi Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Subang Jaya, Shah Alam, Klang, Bandar Baru Selayang, Ampang Jaya, Kajang dan Cheras Batu Sembilan, disatukan sebagai satu perbandaran maka darjah keprimatan konurbasi tersebut adalah kira-kira 71.90 peratus. Angka ini melayakkan wilayah metropolitan tersebut digelar bandar primat.

Proses penumpuan pembangunan di wilayah metropolitan terbesar di negara ini secara umumnya masih boleh dikatakan sebagai belum sampai ke peringkat tepu. Lembah Klang-Langat sebagai pusat pertumbuhan utama di Malaysia masih mampu menampung pertumbuhan pelbagai aktiviti ekonomi moden. Dalam era globalisasi masa ini, wilayah tersebut masih berdaya saing berbanding bandar raya lain di negara ini. Pembangunan wilayah metropolitan sekunder khususnya di sekitar Johor Baharu (Wilayah Pembangunan Iskandar) di selatan dan koridor Pulau Pinang–Kulim di utara (Wilayah Pembangunan Utara) dijangka tidak akan menjejaskan kecukupan dan seterusnya perkembangan Lembah Klang-Langat, sebaliknya akan melengkapi dan mengimbangi metropolitan tersebut sekurang-kurangnya bagi tempoh beberapa dekad akan datang.

## Kesimpulan

Kesimpulan yang boleh diambil di sini bahawa pelaksanaan pelbagai dasar dan strategi DEB dan DPN secara umumnya telah memesatkan kadar pertumbuhan ekonomi negara.

<sup>1</sup> Indeks Empat Bandar adalah ukuran keprimatan (% penumpuan) penduduk di bandar terbesar dalam sesebuah negara berbanding jumlah empat bandar rank teratas di negara berkenaan. Persamaannya adalah  $Pn^1 / (Pn^1 + Pn^2 + Pn^3 + Pn^4)$  di mana  $Pn^1$  = Saiz bandar rank 1,  $Pn^2$  = Saiz bandar rank 2,  $Pn^3$  = Saiz bandar rank 3 dan  $Pn^4$  = Saiz bandar rank 4. Jika lebih 70% lazimnya bandar tersebut boleh digelar bandar raya primat.

Anjakan teras ekonomi negara daripada pertanian dan perlombongan kepada pembuatan dan perkhidmatan pada akhir DEB dan seterusnya melalui DPN telah memberi impak yang positif kepada pertumbuhan ekonomi dan seterusnya meningkatkan kualiti hidup penduduk Malaysia. Strategi pembangunan menumpu yang diterima pakai oleh pemerintah sejak akhir 1980-an adalah selaras dengan keperluan pasaran dalam era globalisasi. Pusat pertumbuhan utama di lembah Klang-Langat semakin berdaya saing dan menarik pelaburan banyak berbanding kawasan lain kerana pelbagai kelebihan ekonomi yang ditawarkan. Pembangunan menumpu ke wilayah metropolitan tersebut merupakan suatu pendekatan yang cekap dan berdaya saing tinggi. KDNK per kapita dan IKH negara yang terus meningkat pada aras yang tinggi membuktikan kebenaran hakikat tersebut. Bagaimanapun, di sebalik peningkatan KDNK per kapita dan kualiti hidup penduduk daripada segi ekonomi, wujud trend kemerosotan pada kualiti alam sekitar dan keselamatan awam di negara ini. Jurang ketaksamaan pembangunan antara wilayah maju dan wilayah kurang maju juga menunjukkan trend yang melebar. Begitu juga jurang ketaksamaan pembangunan antara kumpulan etnik bumiputra dan bukan bumi putra. Gejala ini menimbulkan suatu kebimbangan di kalangan segolongan penduduk negara ini. Walaupun pemerintah terus menerus mengambil langkah untuk mengatasinya tetapi gejala ini kian menjadi kebenaran.

## Rujukan

- Asmah Ahmad. 2007. The changing trend and patterns of public safety in Malaysia since independence: implications for its social well beings. *Jurnal e-bangi* 2 (2): 35-50..
- Carrol, G.R., 1982. National city size distributions: what do we know after 67 years of research. *Progress in Human Geography*, 6(1): 1-43.
- Ghani Salleh. 2000. *Urbanisation and Regional Development in Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn, Bhd.
- Hassan Haji Ali & Rahmah Ismail (1996) Hubungan antara pertumbuhan ekonomi dengan agihan pendapatan: kes Mlaysia dlm Chamuri Siwar & Nor Aini Hj. Idris (pnyts) *Kemiskinan dalam Arus Pembangunan Ekonomi di Malaysia*, Bangi: Penerbit UKM.
- Ishak Yusof. 2006. Penyelidikan dan pembangunan, keupayaan inovasi dan pembangunan teknologi. Dalam Ishak Yusof, Nor Aini Idris & Basri Abdul Talib.(pnyt.) *Ekonomi Malaysia Ke Arah Pascaindustri*. Bangi: Penerbit UKM.
- Katiman Rostam. 2001. *Dasar dan strategi petempatan dalam pembangunan negara*. Bangi: Penerbit UKM.
- Katiman Rostam. 2006. Pembandaran dan perkembangan Wilayah Metropolitan Lanjutan Lembah Klang-Langat, Malaysia. *Jurnal e-Bangi*. 1 (1): 1-27.
- Maimunah Ismail & Bahaman Abu Samah. 1992. Integrated rural development projects: the Malaysian experience dlm. King, V. & Nazaruddin Mohd. Ali (pnyt.). *Issues in Rural Development in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Malaysia. 1971. OPP1. *The First Outline Perspective Plan 1971-1990*. Kuala Lumpur:

- Govermemnt Printers.
- Malaysia. 1973. *Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- Malaysia. 1979. *Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980*. Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan
- Malaysia. 1981. *Fourth Malaysia Plan 1981-1985*. Kuala Lumpur: National Printing Department.
- Malaysia. 1982. *Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1980. Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan: Penduduk, Isi Rumah dan Tempat Kediaman*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Malaysia. 1991a. *Sixth Malaysia Plan 1991-1995*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- Malaysia. 1991b. *The Second Outline Perpective Plan 1991-2000*. Kuala Lumpur: National Printing Department.
- Malaysia. 1996. *Seventh Malaysia Plan 1996-2000*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad
- Malaysia. 2000. *Kualiti Hidup Malaysia 1999*, Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad.
- Malaysia. 2001a. *Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2000*. Laporan Kiraan Permulaan Bagi Kawasan Bandar dan Luar Bandar. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia
- Malaysia. 2001b. *Eighth Malaysia Plan 2001-2005*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Bhd.
- Malaysia. 2001c. *Population and Housing Census of Malaysia 2000. Preliminary Count Report for Urban Rural Areas*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Malaysia. 2005. *Kualiti Hidup Malaysia 2004*, Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad.
- Malaysia. 2006a. *Ninth Malaysia Plan 2006-2010*. Kuala Lumpur: Percetakan National Malaysia Bhd.
- Malaysia. 2006b. *Bank Data Negeri/Daerah Malaysia 2005*. Kuala Lumpur: Jab. Perangkaan Malaysia
- Malaysia 2006c. *Pelan Induk Perindustrian Ketiga 2006-2020*. Malaysia ke Arah Daya Saing Global. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Distribution by Local Authority Areas and Mukims. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Marshall, R. 2003. *Asia Megacities, Dlm El-Khoury et al (Pnyt.) Shaping the city*, New York: Routledge.
- Mera, K. 1973. *On urban agglomeration and economic efficiency. Economic Development and Cultural Change* 21(2): 309-24.
- MIDA 2006. Malaysian Industrial Development Authority. Putrajaya: MITI.
- Mohamad Aslam & Asan Ali Golam Hassan. 2003. *Development planning and regional imbalances in Malaysia*. FEA Working Paper No. 2003-5. (Chamuri Siwar & Noraini Idris 1996).
- Roslan, S.B. (t.t). *Income inequality, poverty and development policy in Malaysia*. <http://ced.u.bordeaux.4.fr/>. accessed 2007.
- Sassen, S. 2000. *Cities in a world economy*. Thousand Oaks: Sage.
- Schmitz, H. 1984. *Industrial strategies in less developed countries: some lessons of historical experiences. Journal of Development Studies* 21(1): 1-21.
- Webster, D. & Muller, L. 2000. *Urban Competitiveness Assessment in the Developing Countries Urban Regions : The Road Forward*. Paper Prepared for Urban Group. INFUD. Washington D.C. : World Bank.
- World Bank. 1981. *Accelerated Development in Sub-Saharan Africa: An Agenda for Action*. Washington D.C.: World Bank.